

# UMS tambah pengambilan pelajar luar negara

Larissa Lumandan DE 21.10.14 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) merancang untuk menambah pengambilan pelajar antarabangsanya seiringan dengan kebanyakan sistem pendidikan di seluruh dunia.

Menurut Naib Canselor universiti itu, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, ia juga sebahagian daripada usaha mereka untuk menjadikannya mudah bagi pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka di UMS.

"Kami mempunyai populasi pelajar yang pelbagai di UMS. Kami mempunyai pelajar-pelajar antarabangsa dari China, Indonesia dan Korea Selatan dan sebagainya," katanya sambil melahirkan perasaan bangganya terhadap pengambilan pertama universiti tersebut iaitu pelajar-pelajar Kemboja.

Harun berkata demikian dalam ucapannya yang disampaikan Pemangku Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa UMS, Molly Donna Datuk Ag. Sham semasa majlis sambutan Program Persediaan Intensif Bahasa Inggeris (IEPP) di Fakulti Sains Kesihatan dan Perubatan universiti itu di sini pada Isnin.

Program itu, jelasnya, akan membantu melengkapkan pelajar-pelajar dalam persediaan mereka ke peringkat pelajaran seterusnya di UMS disamping memberi mereka peluang untuk bersosial dengan pelajar-pelajar tempatan dan luar negara yang lain.

Menurut beliau, ini akan menjadi masa yang terbaik untuk pelajar-pelajar mengalami pengalaman yang lebih luas, kaya dengan pandangan berbilang kaum dan lebih antarabangsa serta berkongsi nasip terhadap masa depan antarabangsa.

"Alami perbezaan dan berfiki-

ran terbukalah dengan mereka, jadilah diri sendiri kepada apa yang benar dan sediakan diri anda sendiri menjadi warganegara dunia.

"Warganegara dunia bermaksud perasaan bertanggungjawab terhadap kesan pilihan anda kepada orang lain sama ada secara tempatan atau merentas sempadan negara, bangsa dan agama.

"Ia bermaksud mengalami kebudayaan orang lain dan mempelajari bahasa-bahasa baru. Ia bermaksud menjadi berfikiran bebas, individu yang sedar secara budaya yang bersedia untuk melakukan kelainan di dunia," katanya sambil menambah kemampuan untuk berkomunikasi bahasa Inggeris dengan cekap dapat membantu pelajar-pelajar memain peranan lebih baik sebagai warganegara dunia.

Harun turut menasihatkan mereka untuk berjuang mencapai kecemerlangan dalam pelajaran mereka, mendisiplinkan diri serta berkenalan dengan yang lain daripada hanya terkurung dengan rakan sekelas mereka sendiri dan rakan-rakan dari negara mereka sendiri.

"Ini akan membantu anda mempelajari dengan lebih banyak lagi mengenai masyarakat ini, kebudayaan mereka dan pada masa yang sama menambah baik kemahiran anda, pengetahuan dan pemahaman," katanya dengan menambah pelajar-pelajar akan merasakan lebih yakin dan bermotivasi untuk mempelajari lebih banyak menerusi penggunaan bahasa Inggeris.

Sementara itu, Pengarah Besar UMS Link Holdings Sdn Bhd Group, Ramlan Awang Ali berkata, bahasa Inggeris adalah bahasa yang digunakan secara meluas di dunia untuk tujuan perniagaan dan industri.